



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA JANUARI 2024

Prestasi perdagangan Malaysia merekodkan peningkatan 3.1 peratus, kekal momentum positif pada Januari 2025

PUTRAJAYA, 20 FEBRUARI 2025 – Prestasi perdagangan Malaysia bermula dengan kukuh pada awal tahun 2025, membawa kepada trend perdagangan yang lebih baik, disokong oleh peningkatan eksport dan import yang lebih tinggi. Jumlah dagangan meningkat 3.1 peratus kepada RM241.9 bilion, didorong oleh pertumbuhan eksport (+0.3%) RM122.8 bilion dan import (+6.2%) RM119.2 bilion. Sebaliknya, imbalan dagangan turun 64.3 peratus kepada RM3.6 bilion pada Januari 2025 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, JANUARI 2025**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan prestasi eksport Malaysia meningkat selaras dengan kenaikan eksport domestik pada Januari 2025. Eksport domestik (79.4% daripada jumlah eksport), meningkat 2.9 peratus kepada RM97.5 bilion. Sementara itu, eksport semula (20.6% daripada jumlah eksport) turun 8.7 peratus berbanding Januari 2024, bernilai RM25.3 bilion. Selain itu, import bernilai RM119.2 bilion, meningkat 6.2 peratus atau RM6.9 bilion.

Lebihan dagangan menguncup 64.3 peratus kepada RM3.6 bilion, lebihan bulan ke-57 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Disember 2024, eksport, import, jumlah dagangan dan imbalan dagangan masing-masing mencatatkan penguncupan 11.3 peratus, 0.2 peratus, 6.2 peratus dan 81.0 peratus.

Melihat dari sudut kumpulan barangan, 123 daripada 259 kumpulan eksport dan 116 daripada 259 kumpulan import menunjukkan peningkatan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menggariskan bahawa eksport yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya ke Amerika Syarikat (+RM3.8 bilion), diikuti Singapura (+RM3.4 bilion), Taiwan (+RM1.2 bilion), Hong Kong (+RM810.4 juta), Kenya (+RM388.5 juta), Kanada (+RM346.6 juta) dan Brunei Darussalam (+RM186.4 juta). Selain itu, import yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya dari Taiwan (+RM7.2 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM2.6 bilion), China (+RM2.4 bilion), Republik Korea (+RM993.9 juta), Iraq (+RM488.5 juta), Ecuador (+RM348.0 juta) dan Mexico (+RM332.0 juta).


Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, kenaikan ini sejajar dengan peningkatan dalam barangan elektrik & elektronik (+RM6.5 bilion); barangan perkilangan lain (+RM665.0 juta); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan kelapa sawit (+RM537.8 juta); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM429.5 juta); barangan perkilangan berasaskan minyak kelapa sawit (+RM409.2 juta); dan keluaran pertanian yang lain (+RM317.3 juta). Di samping itu, peningkatan import dicatatkan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM13.4 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM808.3 juta); keluaran pertanian yang lain (+RM636.7 juta); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan kelapa sawit (+RM421.3 juta); barangan perkilangan berasaskan minyak kelapa sawit (+RM367.2 juta); dan minyak sayuran lain (+RM320.9 juta).

Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir adalah seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan modal dan barangan perantaraan. Import barangan modal (16.8% daripada jumlah import), meningkat 45.9 peratus atau RM6.3 bilion mencatatkan nilai RM20.0 bilion. Import barangan perantaraan (51.0% daripada jumlah import), bernilai RM60.7 bilion, mencatatkan peningkatan 3.3 peratus atau RM1.9 bilion berbanding Januari 2024. Sementara itu, barangan penggunaan (8.4% daripada jumlah import), susut 2.6 peratus atau RM272.6 juta mencecah RM10.1 bilion.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2024 – Jan 2025 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2024 – Jan 2025
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2025 (Jan)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2024 – Jan 2025
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), 2020 –2025 (Jan)



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2024	2024	2025	SUMBANGA N KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	JAN RM JUTA	DIS RM JUTA	JAN RM JUTA		NILAI RM JUTA	%
Jumlah	122,410	138,476	122,791	100.0	380.3	0.3
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	44,023	58,778	50,526	41.1	6,503	14.8
Keluaran Petroleum	14,806	9,778	9,759	7.9	(5,047)	(34.1)
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	6,150	8,192	6,688	5.4	537.8	8.7
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,491	6,473	5,921	4.8	429.5	7.8
Kimia & Bahan Kimia	6,034	6,082	5,506	4.5	(527.2)	(8.7)

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Import

KETERANGAN KOMODITI	2024	2024	2025	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	JAN RM JUTA	DIS RM JUTA	JAN RM JUTA		NILAI RM JUTA	%
Jumlah	112,238	119,342	119,157	100.0	6,919	6.2
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	32,885	42,630	46,316	38.9	13,431	40.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,906	10,763	9,715	8.2	808.3	9.1
Keluaran Petroleum	11,713	9,776	9,110	7.6	(2,603)	(22.2)
Kimia & Bahan Kimia	8,886	8,311	7,749	6.5	(1,136)	(12.8)
Barangan Perkilangan Logam	6,817	5,885	5,606	4.7	(1,211)	(17.8)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

20 FEBRUARI 2024